

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Malaysia Terengganu in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy.

**THE EFFECT OF E-ACCOUNTING ADOPTION ON PERFORMANCE OF MALAYSIA MARITIME INDUSTRY WITH ACCOUNTING BENEFIT AS MEDIATING VARIABLE**

**AFFIZAH BINTI MOHAMAD GHAFFAR**

**2019**

**Main Supervisor** : **Associate Professor Mohd Zulkifli Mokhtar, Ph.D.**  
**Co-Supervisor** : **Associate Professor Ts. Mohamad Rosni Othman, Ph.D.**  
**Co-Supervisor** : **Wan Nur Syahida Wan Ismail, Ph.D.**  
**Faculty** : **Faculty of Business, Economics and Social Development**

Small and medium enterprises (SMEs) rely on accounting information systems in managing financial and economic decisions. E-Accounting (EA) can facilitate the company's bookkeeping, accounting and financial affairs effectively and may prevent companies from experiencing difficulties in financial management. Even though EA is widely used in business and is a common tool in financial management, factors shaping the EA adoption and its effect on performance of maritime SMEs are narrowly researched. This study aims to examine the factors within the theory of technology-organization-environment framework and resource-based view theory in order to analyze the effect of EA adoption on the performance of Malaysian maritime SMEs with accounting benefit as mediating variable. The scope of this study in maritime SMEs can be considered as significant and appropriate in view of maritime industry as one of the key focus areas to mobilize Malaysia's future economy with the implementation of Malaysian Shipbuilding and Ship Repair Industry Strategic Plan 2020. This research model was tested against quantitative data obtained from a

survey of 103 Malaysian maritime SMEs by using partial least squares technique. In addition, qualitative analysis was conducted whereby a series of follow-up interviews with 6 participants and 23 open-ended questions surveys were analyzed via thematic method assisted with ATLAS.ti to interpret the quantitative findings. The findings revealed that the model accounted for 58 percent and 43 percent of the total variance in EA adoption and performance, respectively. In particular, maritime cluster, organizational readiness and decision-maker's support were observed as the critical factors influencing EA adoption and had positive effects on maritime SMEs' overall performance. As expected, accounting benefit completely mediates the relationship between EA adoption and firm performance. This study provides greater understanding of factors shaping EA practice in maritime SMEs and how the EA adoption affects the maritime SMEs' performance. Due to its paramount benefits, the authority bodies may create awareness and promote maritime SMEs to adopt EA. Future studies should take into consideration other factors such as legal compliance, employee's EA knowledge and external pressure towards adoption of EA among Malaysian maritime SMEs.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah.

**KESAN PENGGUNAAN E-PERAKAUNAN KE ATAS PRESTASI  
INDUSTRI MARITIM MALAYSIA DENGAN KELEBIHAN PERAKAUNAN  
SEBAGAI FAKTOR PENGANTARA**

**AFFIZAH BINTI MOHAMAD GHAFFAR**

**2019**

**Penyelia Utama : Profesor Madya Mohd Zulkifli Mokhtar, Ph.D.**  
**Penyelia Bersama : Profesor Madya Ts. Mohamad Rosni Othman, Ph.D.**  
**Penyelia Bersama : Wan Nur Syahida Wan Ismail, Ph.D.**  
**Fakulti : Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial**

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bergantung kepada sistem maklumat perakaunan dalam pengurusan kewangan dan membuat keputusan perniagaan. E-perakaunan (EP) boleh memudahkan simpan kira, perakaunan dan pengurusan kewangan syarikat dengan berkesan serta dapat menghalang syarikat daripada mengalami kesusahan dalam pengurusan kewangan. Walaupun EP digunakan secara meluas dalam dunia perniagaan dan merupakan alat yang biasa dalam pengurusan kewangan, faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan EP dan kesannya terhadap prestasi PKS maritim kurang dibincangkan secara mendalam akibat daripada kajian yang terhad. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor dalam kerangka teori teknologi, organisasi dan persekitaran dan teori pandangan berasaskan sumber bagi menganalisis kesan penggunaan EP terhadap prestasi PKS industri maritim di Malaysia dengan kelebihan perakaunan sebagai faktor pengantara. Skop kajian ini adalah berkaitan dengan PKS dalam industri maritim yang dianggap penting dan sesuai memandangkan industri maritim menjadi salah satu bidang tumpuan utama

untuk menggerakkan ekonomi Malaysia dengan pelaksanaan Pelan Strategik Industri Pembuatan Kapal dan Pembaikan Kapal Malaysia 2020. Model kajian ini telah diuji terhadap data kuantitatif yang diperolehi melalui kaji selidik daripada 103 PKS maritim di Malaysia dengan menggunakan teknik kuasa dua terkecil separa. Seterusnya, penemuan kuantitatif tersebut telah ditafsir oleh analisis kualitatif yang dijalankan melalui satu siri temubual susulan dengan 6 peserta dan menggunakan 23 kaji selidik soalan terbuka dianalisis melalui kaedah tematik dengan bantuan ATLAS.ti. Keputusan ujian menunjukkan model kajian ini menyumbang, masing-masing sebanyak 58 peratus dan 43 peratus daripada jumlah varians dalam penggunaan EP dan prestasi. Secara khususnya, kluster maritim, kesediaan organisasi dan sokongan pembuat keputusan dilihat sebagai faktor kritikal mempengaruhi penggunaan EP. Penggunaan EP didapati memberi kesan positif terhadap prestasi keseluruhan PKS maritim. Faedah perakaunan memainkan peranan sebagai pengantara dalam hubungan di antara penggunaan EP dengan prestasi firma PKS maritim. Kajian ini memberikan pemahaman lebih mendalam terhadap faktor-faktor yang membentuk amalan EP dalam PKS maritim dan bagaimana penggunaan EP mempengaruhi prestasi PKS maritim. Disebabkan kepentingannya, badan-badan berautoriti boleh mewujudkan kesedaran dan menggalakkan PKS maritim menggunakan EP. Kajian selanjutnya perlu mengambil kira faktor-faktor lain seperti pematuhan undang-undang, pengetahuan EP pekerja dan tekanan luar terhadap penggunaan EP di kalangan PKS maritim Malaysia.